

Sarjana boleh bahas 3R tapi jangan melampau

Oleh **FITRI NIZAM**
fitri.nizam@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan menyekat golongan sarjana atau tokoh akademik untuk membicarakan sebarang isu termasuk 3R (raja, agama dan bangsa) selagi ia tidak menyemaikan kebencian.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu antara yang ditekankannya kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir yang mahukan golongan sarjana di negara ini tidak menjadi 'pak turut' semata-mata.

Kata Perdana Menteri, beliau tidak pernah menafikan kebebasan bersuara mana-mana pihak termasuklah golongan akademik bahkan menekan keperluan untuk berbuat demikian.

"Sekiranya ada sekali pun yang membicarakan tentang 3R, itu hanya sekatan apabila kenyataan-kenyataan tersebut sudah melampau, menghasut kaum membenci satu sama lain, menggunakan agama untuk mendajalkan atau memunafikkan orang dengan mudah.

"Kalau itu berlaku dalam kalangan rakyat, ia mungkin akan membawa malapetaka dan rusuhan," katanya pada Majlis Memperingati Allahyarham Profesor Dr. Syed Husin Ali, di sini, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, melabel kaum



ANWAR Ibrahim berucap pada Majlis Memperingati Prof. Dr. Syed Husin Ali di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam. - **MINGGUAN/SHIDDIEQIN ZON**

bukan Islam dengan label tertentu seperti 'kafir harbi' juga adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang boleh mengganggu gugat keharmonian negara.

"Kafir harbi itu apabila dajalaskan di peringkat bawah bermakna orang yang menentang Perlembagaan dan berperang dengan negara maknanya memberi ruang penyokong bangkit berperang kerana mereka itu dianggap menyimpang dari semangat bernegara," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, sebahagian pihak agak sinis terhadapnya kerana ker-

ap berbicarakan soal keadilan dan kebebasan kemudiannya mengambil tindakan untuk menyekat sedikit sebanyak ruang kebebasan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dikawal seperti yang dilontarkan kepadanya.

"Umpamanya, ada muktamar (parti politik) baru-baru ini, ada yang dibicarakan Kementerian Pendidikan sudah rosak kerana masuk dan bebasnya aliran komunisme dan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) diizinkan diajar di sekolah," katanya.